

21 MAR 1999

Mahathir-PAS

PAS WUJUD UNTUK PECAHKAN MELAYU, KATA DR MAHATHIR

ALOR SETAR, 21 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berkata kewujudan PAS hanya untuk memecah-belah dan mencincang orang Melayu.

Beliau berkata parti itu pecahkan orang Islam dari orang Islam yang lain.

Pas anggap Islam sebagai politik, bukan agama yang suci dan baginya Islam boleh digunakan untuk mendapatkan undi, katanya di Perhimpunan Bersama Rakyat di Stadium Darul Aman, di sini.

"Umat Islam tidak terima tafsiran Islam oleh Pas," katanya kepada 50,000 orang termasuk para anggota parti komponen Barisan Nasional dan masyarakat dari pelbagai lapisan.

Beliau berkata Pas berjuang untuk meraih undi serta menjadi wakil rakyat dan bukannya untuk memperjuangkan Islam.

Dr Mahathir memberikan contoh perpecahan yang dianjurkan oleh Pas seperti sembahyang dua imam, sembahyang di masjid berasingan dan kubur berasingan dari orang Islam yang lain.

"Pas menyatakan BN tidak Islam. Apa yang kita buat untuk mententeramkan pelbagai kaum, tidakkah sejajar dengan ajaran Islam?," tanya beliau.

Sebaliknya, Pas menyertai gerakan rusuhan, melontar batu, membaling 'molotov cocktail' dan membakar motosikal polis.

Pas mengambil kesempatan ekoran pemecatan seorang pemimpin Umno dan seterusnya dihadapkan ke mahkamah.

"Pas sanggup bersama-sama dengan gerakan reformasi kerana undi," katanya.

Beliau berkata Pas kini menggunakan pemimpin Angkatan Keadilan Rakyat (Adil) sebagai alat untuk mendapatkan undi.

Adil, kata beliau, sudah menguji kekuatan mereka di Sabah, tetapi ekoran tiada sambutan maka mereka tidak berani bertanding pada pilihan raya Dewan Undangan Negeri itu baru-baru ini, sebaliknya cuma bersama-sama dengan Pas sahaja.

Perdana Menteri berkata Pas sanggup bekerjasama dengan sesiapa sahaja termasuk syaitan kerana undi dan bukan kerana Islam.

"Islam bukan milik mana-mana parti. Islam hak semua orang Islam. Tak ada hak Pas kata orang Umno kafir," katanya.

Beliau juga berkata kekuatan umat Islam akan tinggal separuh sahaja sekiranya kaum wanita tidak dibenarkan bekerja untuk bersama-sama menyumbang dalam membangunkan umat itu.

Dr Mahathir juga mengulangi kenyataannya mengutuk Naib Presiden Amerika Syarikat Al-Gore yang menyokong perusuh di jalan bagi menjatuhkan kerajaan yang dipilih oleh rakyat Malaysia.

"Malaysia adalah negara kita, untuk kita, dan kita akan tentukan nasib kita. Orang lain tidak ada hak," katanya.

Beliau juga mengulangi kenyataannya bahawa tidak ada hak bagi orang lelaki yang sukakan lelaki atau orang perempuan yang sukakan perempuan untuk menjadi menteri di Malaysia.

"Saya tidak cakap mengenai sesiapa tetapi secara umum sahaja," katanya.

Katanya, Malaysia mahukan politik yang bersih dan kerajaan yang bersih, cekap dan amanah.

-- BERNAMA

JM/MAN/MZM/jm zb